

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU**  
**NAIDU [ BATU GAJAH ]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pemantauan Kementerian terhadap IPTS yang terpaksa beroperasi dalam keadaan luar biasa akibat kekangan wabak COVID-19. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan rundingan dengan pihak IPTS untuk menurunkan yuran pengajian kerana terdapat perubahan besar dalam norma pengajaran dan pembelajaran pada ketika ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin dan memahami kesan yang dirasakan oleh pelajar dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini. Sesi-sesi *engagement* bersama IPTS sentiasa dilaksanakan bagi mencari penyelesaian terbaik untuk membantu mereka meneruskan operasi dalam situasi yang mencabar ini di samping mengurangkan bebanan kos yang ditanggung pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sungguhpun pelajar-pelajar tidak berada di kampus dan meneruskan sesi PdP mereka secara dalam talian. IPTS masih perlu menampung kos-kos tetap yang lain antaranya seperti penyelenggaraan dan sewaan bangunan; utiliti bagi pejabat pentadbiran; penyelenggaraan infrastruktur pembelajaran dalam talian; penambahbaikan kandungan modul dalam talian; pembayaran gaji

pekerja; dan lain-lain kos pengurusan. Keadaan ini akan memberikan kesan kepada operasi IPTS sekiranya mereka menurunkan yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar.

Dalam memastikan yuran yang dikenakan oleh IPTS tidak membebankan pelajar pula, Kementerian telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- i. Mengawal kenaikan yuran oleh IPTS melalui kuasa Ketua Pendaftar. Sebarang permohonan kenaikan yuran pengajian oleh IPTS perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) terlebih dahulu;
- ii. Memastikan IPTS mematuhi siling atau had yuran pengajian yang telah diluluskan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dalam mana-mana kelulusan kursus pengajian; dan
- iii. Mengingatkan IPTS supaya mematuhi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) bagi melindungi kepentingan pelajar supaya mereka tidak dibebani oleh caj perkhidmatan yang tinggi.

Kementerian akan sentiasa memantau situasi semasa yuran-yuran yang dikenakan oleh IPTS dan sebarang keputusan yang diambil adalah secara dengan izin *case by case basis*.

Sekian, terima kasih.